



MICELT Ke Arah Penguasaan Bahasa Inggeris Pelajar



Antara peserta yang membuat pembentangan.

MELAKA, 11 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) memantapkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran melalui persidangan Malaysia International Centre for English Language Teaching (MICELT 2010).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata pelajar harus memberi lebih penekanan terhadap kepentingan bahasa dan mempelbagaikan lagi usaha mereka untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan bahasa itu.

“MICELT mampu membincangkan idea-idea baru, teknik yang lebih berkesan dan pengetahuan baharu yang akan memberi manfaat dan ilham untuk menguasai bahasa Inggeris dengan lebih berkesan,” katanya ketika merasmikan MICELT dengan tema “Connecting Teachers And Learners Through Best Practise” di Hotel Equatorial, Melaka.



Para peserta memberi tumpuan ketika menyaksikan perasmian.

Ahli Lembaga Pengarah ELS Centre, Datin Aishah Shamsudin berkata MICELT juga mampu meletakkan UPM setaraf dengan negara-negara maju lain bagi memartabatkan guru-guru dan pengajar bahasa Inggeris di Malaysia.

MICELT yang dianjurkan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM selama tiga hari disertai oleh 500 peserta daripada 20 buah negara.

Seramai 10 speker dan 202 peserta membentangkan pelbagai isu pengajaran dan pembelajaran.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampaikan ucapan perasmian.

Antara speker yang membuat pembentangan adalah Brian Tomlinson dengan tajuk Empathetic Teaching: Ways of Helping Our Learn, Ivor Timmis dengan tajuk What Kind of English Do We Want Our Learners to Speak? dan Burcu Akyol dengan tajuk The 21st Century Teacher's Toolbox.



Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noralis bt. Buang 'wartawan pelatih' 03-89466014).